

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERSIDANGAN AGONG KHAS UMNO

TEMPAT : DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH : 18 NOV 2000

MASA:

Kita bersidang pada hari ini untuk membahas hanya satu usul sahaja, iaitu pindaan kepada perlembagaan parti kita. Ini bukanlah kali pertama kita meminda perlembagaan parti kita, UMNO. Apabila kita dapati perlembagaan kita sudah tidak dapat menjayakan perjuangan kita atau menimbulkan masalah yang tidak diramal dahulu maka kita telah membuat pindaan bagi membolehkan kita meneruskan perjuangan kita.

2. Kali ini kita berhadapan dengan beberapa masalah yang disebabkan oleh usia parti kita yang telah meningkat. Sebenarnya kebanyakan parti politik menghadapi masalah apabila usia meningkat dan perjuangan asal diganti dengan masalah kejayaan atau kegagalan. Ada yang berjaya membuat perubahan bagi menyesuaikan diri dengan keadaan baru dan terus segar dan relevan, dan ada yang beku atau membuat perubahan yang salah, gagal dan hancur. Pindaan yang kita cadangkan ini adalah untuk menentukan matlamat perjuangan kita tidak diganggu oleh perubahan sikap yang sudah berlaku dalam parti dan dalam masyarakat.

3. Kita sedar akan perubahan-perubahan dalam negara sejak UMNO ditubuhkan dan sejak pindaan perlembagaan yang terakhir dibuat. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja berlaku di sekitarnya tetapi juga dalam tubuh badannya. Demi penerusan perjuangannya, perubahan-perubahan ini perlu diambilkira dan pendekatan-pendekatan baru dicipta. Antara pendekatan ini ialah pindaan kepada Perlembagaan. Tetapi pindaan kepada Perlembagaan semata-mata tidak akan menjamin kejayaan. Banyak lagi tindakan yang perlu diambil untuk menguatkan UMNO dan melengkapkannya untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran di dekad-dekad yang akan datang.

4. Jika kita meneliti sejarah, kita akan dapati banyak tamadun manusia muncul, mencapai kecemerlangan buat beberapa lama tetapi akhirnya merosot dan kadang-kadang terus luput dan hilang. Hampir semua tamadun termasuk tamadun Islam telah melalui proses ini. Tetapi ada juga yang merosot dan kemudian dipulih semula.

5. Sebabnya ini berlaku ialah kerana perubahan budaya di antara mereka yang berdiri dan memajukan tamadun dengan mereka yang hanya mewarisi hasil tamadun yang telah didirikan. Mereka yang berdiri dan memajukan tamadun sanggup menghadapi cabaran, berusaha bersungguh-sungguh dan tidak mementingkan diri. Mereka mengutamakan perjuangan. Ramai yang sanggup mengorbankan nyawa sekalipun untuk kepentingan perjuangan. Dengan kesanggupan ini maka terdiri dan majulah tamadun berkenaan.

6. Sebaliknya mereka yang datang kemudian dan mewarisi hasil perjuangan puak yang terdahulu tidak lagi memiliki sifat-sifat pengasas perjuangan. Mereka tidak lagi sanggup berjuang dan berkorban. Mereka hanya ingin menikmati warisan peninggalan perjuangan generasi awal. Lebih daripada itu mereka akan berebut-rebut untuk mendapat seberapa banyak bahagian daripada apa yang diwarisi untuk diri sendiri sehingga berlakulah perpecahan antara mereka. Dengan itu segala-gala yang diwarisi berpecah-pecah, merosot nilai dan kekuatan dan terus ditewas dan dikuasai oleh orang lain. Inilah yang berlaku kepada wilayah Islam di Sepanyol dan Asia Barat. Ini jugalah yang berlaku kepada tamadun-tamadun lain.

7. Demikianlah dengan tamadun, demikianlah juga dengan apa juga pakatan manusia termasuk pakatan parti politik. Oleh kerana tidak ada lagi kesanggupan berkorban untuk membina, kemerosotan akan berlaku sehingga hancurlah pakatan itu.

8. UMNO hanya berusia 54 tahun. Dalam tempoh itu, ia telah mencapai banyak kejayaan, kejayaan yang tidak pernah dicapai dalam sejarah orang Melayu, termasuk di zaman empayar Melaka. Daripada satu bangsa yang dijajah dan dihina, yang daif di negara sendiri; bangsa yang tidak pun dikenali oleh dunia, hari ini orang Melayu dihormati, dianggap sebagai contoh kejayaan oleh dunia dan tidak lagi menjadi orang yang termiskin di negara sendiri. Semua ini adalah hasil perjuangan dan usaha UMNO, termasuk pengorbanan yang tidak sedikit oleh pengasas-pengasas UMNO.

9. UMNO dan ahli-ahlinya berhak berbangga dengan kejayaan yang dicapai. Tetapi kejayaan ini masih rapuh. Jika disentuh sedikit ia mungkin retak, pecah berkecai. Apabila ia pecah maka percayalah, orang Melayu akan rebah bersama. Apakah tamadun Melayu yang baru ini hendak kita biar roboh dan hancur dalam jangka masa hanya setengah abad? Apakah kita ingin kembali dihina dan dijajah?

10. Jawapan kita semua tentulah tidak. Kita ingin ianya kekal selama-lamanya. Tetapi kekal atau tidak parti dan bangsa kita ini, seperti juga dengan yang lain, bukan bergantung kepada harapan atau keinginan kita. Ia bergantung kepada sikap dan gerak-geri kita. Oleh kerana prestasi UMNO berkait rapat dengan prestasi orang Melayu,

maka amatlah penting kita tentukan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO tidak berlagak sebagai pewaris UMNO yang merebut-rebut tempat dan pangkat, tetapi sebagai pemaju dan pembangun yang sama semangat dan dedikasi dengan pengasas-pengasas UMNO. Dengan perkataan lain, pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO tidak seharusnya berebut-rebut jawatan atau nikmat-nikmat lain yang boleh didapati dalam UMNO atau melalui UMNO. Mereka perlu berusaha, berkorban untuk menambah jumlah harta kekayaan dan kemampuan bangsa Melayu mempertahankan diri dan tamadunya. Kata-kata hikmat tidak berguna jika tidak disertai dengan kesedaran, sikap dan usaha.

11. Pindaan kepada Perlembagaan hanyalah seperti membentuk kerangka yang boleh disalut dengan sikap dan sifat yang mampu menjaya perjuangan pertubuhan. Dengan sendirinya Perlembagaan tidak menjamin amalan yang buruk dan kehancuran yang disebabkan olehnya tidak berlaku. Undang-undang tidak pernah menghapuskan jenayah. Undang-undang hanya membendung jenayah. Yang benar-benar menyelamatkan dan memajukan masyarakat ialah budaya yang dimiliki oleh masyarakat. Demikian jugalah dengan UMNO.

12. Satu gejala yang sedang melanda UMNO ialah rasuah atau politik wang. Kita mungkin berkata di negara lain juga politik wang berlaku. Tetapi hanya kerana di negara lain ia berlaku tidak bermakna politik wang menjadi bersih dan baik dan boleh diamalkan.

13. Rasuah adalah satu jenayah yang tetap akan menghancurkan masyarakat yang mengamalnya. Ada yang berkata yang mereka terima sedikit sahaja sebaliknya orang yang mereka naikkan akan menerima banyak nikmat. Oleh itu apa salahnya kalau mereka menerima habuan sedikit. Jika mereka tidak terima, maka orang lain akan menerimanya.

14. Jika kita berpendapat demikian maka kita sudah akui dan terima amalan rasuah. Semua akan memberi alasan yang sama; jika mereka tidak terima, orang lain akan menerima. Yang menghulur juga demikian. Jika mereka tidak hulur, pencabar mereka akan hulur. Mereka akan teraniaya jika mereka tidak hulur. Dengan itu semua akan terlibat dengan rasuah. Sesiapa juga yang menang ia menang kerana rasuah.

15. Jika kita berpendapat demikian maka rasuah tidak boleh dihapus. Kita sudah akui rasuah adalah sebahagian daripada budaya kita. Kita terima rasuah kerana kita percaya orang lain juga menerimanya. Dan kita hulur rasuah kerana kita percaya orang lain juga menghulurnya. Jika masyarakat menjadi mundur, jika masyarakat hancur pun, itu bukanlah salah kita sahaja. Masyarakat kita memang begitu dan kita hanya melakukan perkara biasa sahaja.

16. UMNO adalah parti pemerintah. Jika UMNO terima rasuah sebagai amalan biasa maka tentulah kita akan dapat Presiden dan Perdana Menteri yang membeli jawatan secara haram. Demikian juga dengan pemimpin-pemimpin lain. Apakah jenis Kerajaan yang akan kita dapat di Malaysia? Apakah kita boleh percaya dengan kerajaan yang dianggotai oleh penjenayah rasuah?

17. Kita lihat banyak negara yang mencapai kemerdekaan yang tidak dapat dimajukan sama sekali. Menteri dan Perdana Menteri dan Presiden mencuri wang Kerajaan dan menyimpannya di luar negara. Walau pun negara mereka kaya, kemajuan tidak dapat dicapai. Pentadbiran yang berkesan tidak dapat diadakan. Pembangunan tidak mungkin dilakukan. Rakyat menderita. Dan orang-orang yang menerima sogokan juga menderita akhirnya. Ada yang akan didakwa dan dihukum, dan ada yang akan dibunuh.

18. Amat sukar untuk meyakinkan orang yang hanya mengutamakan keuntungan hari ini akan keburukan masa depan apabila rasuah berleluasa. Tuhan menjanjikan neraka kepada orang yang membuat dosa tetapi ramai yang membuat dosa juga. Hukuman bunuh pun tidak berjaya mencegah jenayah. Yang boleh membendung dan mencegah jenayah ialah budaya yang mulia yang mengawal kepentingan diri untuk kebaikan masa depan diri dan masyarakat.

19. Saya telah pujuk, saya telah rayu, saya telah menangis dan saya telah berdoa. Sekarang kita cuba pula pinda perlembagaan. Dan ramai daripada kita tidak senang dengan perubahan perlembagaan ini. Saya juga tidak begitu yakin.

20. Yang penting bukan perlembagaan. Dahulu kita ada pemilihan Majlis Tertinggi tiap-tiap tahun tanpa masalah. Sekarang kita cadang lima tahun sekali tetapi kita tidak yakin masalah dapat diatasi. Kita tahu yang akan mengatasi masalah ialah semangat dan perasaan kekitaan kita.

21. Oleh itu tolonglah. Sayanglah bangsa kita ini. Sayanglah anak cucu kita. Tolaklah rasuah. Dedahkan mereka yang menghulur rasuah. Dapatkan bukti yang cukup dan dedahkan mereka. Tolak semua jenis tawaran rasuah termasuk melancong, dan umrah. Tolak semua yang berbau rasuah kerana bangsa, kerana bangsa kita akan menjadi hina, akan hancur. Dan kita semua akan terus jatuh ke lembah kehinaan, daif dan tidak bermaruah.

22. Kita baru sahaja maju sedikit. Kita belum selamat. Penjajah menanti. Sudah ada pengkhianat bangsa yang akan menyokong mereka untuk menjajah kita semula. Apakah kerana sedikit duit, kerana hendak tempat maka kita sanggup menjual bangsa dan negara

kita?

23. Kita akan meminda perlembagaan tetapi selagi kita mengutamakan keuntungan sedikit bagi diri sendiri, masalah kita akan terus wujud. Percayalah rakyat akan tolak kita dan parti kita. Apabila itu berlaku, menjadi pemimpin tidak bermakna lagi.

24. Saya sedar apa yang saya perkatakan di sini akan diguna oleh parti lawan sebagai bukti parti kita sudah diselubungi rasuah. Keadaan hari ini tidaklah seburuk seperti yang akan digambarkan oleh parti lawan. Kita masih anggap rasuah sebagai jenayah yang kita berasa malu jika kita lakukannya. Keadaan masih boleh dipulih, insya-Allah. Tetapi jika sesuatu keburukan hendak ditangkis, ia mestilah dibuat sebelum ia merebak dan menjadi sebahagian daripada budaya kita.

25. UMNO masih boleh tunaikan janji-janji kita kepada rakyat, kepada bangsa Melayu dan Bumiputera yang lain, dan kepada agama dan negara.

26. Marilah kita bukan sahaja kekalkan prestasi kita tetapi kita bersihkan lagi parti kita daripada sebarang amalan yang buruk seperti jenayah rasuah. Tiap seorang ahli UMNO bertanggungjawab dalam usaha ini. Dedah dan tolak jenayah rasuah dan utamakan bangsa, agama dan tanahair.

27. UMNO perlu kepada pembaharuan. Hakikat yang terpaksa kita terima ialah peredaran masa menjadikan kita lebih tua dan yang tua terpaksa berundur daripada memainkan peranan aktif dalam UMNO. Jika UMNO hendak dikekalkan, jika perjuangan UMNO hendak diteruskan, pembaharuan UMNO hendaklah dibuat dan dibuat oleh generasi yang muda. Generasi lama, generasi tua walau apa pun hasil sumbangan mereka hendaklah bersedia memberi tempat kepada generasi muda, sama ada sebagai ahli biasa atau sebagai pemimpin. Satu dekad, dua dekad, seratus tahun dari sekarang UMNO tetap akan dipimpin oleh orang lain daripada kita. Jika mereka tidak diterima awal-awal lagi maka bukan sahaja UMNO dan perjuangannya akan berbeza dari sekarang, tetapi UMNO mungkin hancur sama sekali sebelum pun perjuangannya selesai.

28. Ahli dan pemimpin baru mungkin berbeza pendapat daripada yang lama. Tetapi sikap dan asas perjuangan UMNO mestilah sama. UMNO masih perlu meneruskan semangat dan matlamat yang digariskan oleh pengasas-pengasas UMNO lebih 50 tahun dahulu. Pendekatan mungkin berbeza tetapi matlamat perlu sama. Jika tidak UMNO, tidak lagi UMNO.

29. Penerimaan kemasukan ahli dan pemimpin yang muda dengan lebih awal akan menentukan mereka dapat memahami dan menghayati perjuangan parti. Percubaan

menguasai dan memeralatkan parti untuk kepentingan lain oleh mana-mana pihak dapat diawasi dan dibendung.

30. Sebenarnya UMNO adalah milik semua orang Melayu yang menerima asas dan matlamat perjuangannya. Tidak ada sesiapa, kerana kepentingan dirinya, berhak menyekat orang Melayu daripada menyertai UMNO. Sesiapa yang cuba menyekat orang Melayu yang percaya kepada perjuangan UMNO daripada menyertai UMNO sebenarnya mengkhianati UMNO dan masa depan orang Melayu.

31. Oleh kerana permohonan untuk menjadi ahli menghadapi banyak masalah dan menyukarkan kemasukan orang Melayu ke dalam UMNO maka sistem baru perlu dibuat. Ini tidak bermakna sesiapa sahaja boleh masuk untuk merosakkan UMNO dari dalam seperti yang telah dicuba oleh pihak tertentu. Tapisan masih perlu dibuat tetapi kuasa menapis perlu dibuat oleh pihak yang tidak berkepentingan. Setelah diterima masuk ahli baru berhak memiliki semua hak ahli dalam semua kegiatan UMNO.

32. Penubuhan Puteri UMNO bukanlah kerana ada sekatan terhadap kemasukan generasi yang muda di kalangan wanita ke dalam Pergerakan Wanita UMNO. Pergerakan wanita bersedia untuk menerima ahli baru tanpa mengira umur. Tetapi ada juga wanita muda yang tidak begitu 'comfortable' atau berasa begitu senang apabila berada bersama dengan ahli dan pemimpin yang sudah lama berada dalam Pergerakan Wanita. Mereka ini tidak yakin mereka boleh menyuarakan pendapat mereka dan mempengaruhi badan berkenaan. Justeru itu, satu saluran baru diperlukan - dan ianya ialah Puteri. Namun yang berminat untuk menjadi ahli terus dalam Pergerakan Wanita, tidak ada sekatan terhadap mereka hanya kerana mereka layak menjadi ahli Puteri. Akhirnya apabila sampai had umur maka puteri akan menjadi ahli dalam Pergerakan Wanita juga.

33. Pergerakan Wanita memainkan peranan yang amat penting dalam UMNO dan sumbangan serta peranan mereka tidak harus dilemahkan sama sekali. Parti amat terhutang budi kepada Pergerakan Wanita dan Parti tidak sama sekali berhajat untuk melemahkan wanita dengan penubuhan Puteri. Struktur Puteri akan ditentukan kemudian setelah semua pihak memberi pendapat mereka.

34. Tiap pertubuhan memerlukan kepada pemimpin. Tanpa pemimpin maka perjuangan pertubuhan tidak mungkin dijalankan. Untuk menentukan pemimpin dapat menjalankan tugas dengan berkesan maka kuasa-kuasa dan kedudukan tertentu terpaksa diberi kepadanya.

35. Pemimpin pula harus sedar bahawa kedudukan dan kuasa yang diberi ialah untuk menjayakan pertubuhan dan perjuangan pertubuhan. Kuasa dan kedudukan bukan untuk kegunaan sendiri, bukan untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Ini bermakna kuasa dan tempat bukanlah hiasan

tetapi adalah tanggungjawab yang berat untuk kebaikan pertubuhan. Mereka yang ingin menjadi pemimpin perlu mengukur kebolehan mereka, mengetahui sama ada mereka mampu menjayakan perjuangan pertubuhan.

36. Janganlah sesiapa memikir akan nikmat yang didapati oleh pemimpin sehingga tidak mengambilkira sumbangan yang perlu dan mampu diberi. Apabila pemimpin mengutamakan pulangan bagi diri sendiri maka tidak dapat tidak pertubuhan dan perjuangannya akan menjadi mangsa. Prestasi pertubuhan tetap akan merosot dan mungkin hancur sama sekali.

37. Kepimpinan yang berprinsip dalam UMNO menjadi lebih penting kerana ia adalah parti pemerintah yang bertanggungjawab secara langsung terhadap bangsa, agama dan tanah air. Jika orang yang tidak berkebolehan menjadi pemimpin UMNO maka Kerajaan pimpinan UMNO tentulah akan gagal. Jika Kerajaan UMNO gagal menunaikan janjinya ia akan ditolak oleh rakyat. Kita yakin, setelah melihat gelagat dan kemampuan mereka, pengganti kepada UMNO tidak berupaya memajukan negara kita. Akibat dari kepimpinan UMNO yang tidak berupaya ialah kehancuran negara. Dengan perkataan lain UMNO mesti dipelihara kerana hanya UMNO sahaja yang mempunyai dasar dan pendekatan yang boleh memajukan negara serta memulih dan menebus maruah bangsa dan negara yang telah hancur selama 450 tahun.

38. Saya sedar terdapat banyak kelemahan dalam cadangan pindaan yang dibuat. Selain daripada kemungkinan pindaan ini tidak berjaya mencapai matlamatnya ia boleh juga membawa kelemahan kepada parti dan masalah lain. Ia juga mungkin mengecewakan mereka yang bersih tetapi berminat. Mungkin ada yang kecewa kerana perlu menunggu begitu lama.

39. Pejuang yang sebenar tidak harus mudah kecewa. Pendekatan yang salah tetapi mendapat sokongan lebih mungkin mendapat hasil daripada pendekatan yang baik tetapi tidak disokong sama sekali. Banyak sudah tindakan yang dianggap bodoh oleh orang lain telah berjaya di Malaysia. Oleh itu berilah peluang kepada pindaan ini membuah hasil. Sesungguhnya pindaan ini mampu mendatangkan kebaikan membendung atau mengurangkan amalan-amalan yang buruk dan akhirnya menyelamatkan dan memperkuatkan parti UMNO ini.

40. Saya tidak hendak bercakap panjang kerana kesuntukan masa. Hari ini keutamaan kita ialah membahaskan agenda yang dibentangkan kepada kita. Saya hanya berharap kita dapat bersikap bertanggungjawab. Apa yang kita lakukan ini akan mempunyai kesan yang amat besar kepada kaum bangsa kita. Kita telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan oleh kita. Tetapi kita mempunyai lebih banyak tugas yang perlu dipikul dan dijayakan sebelum bangsa kita, agama kita, dan negara kita mencapai taraf negara maju dan tamadun kita berdaya tahan.

41. Selamat Bersidang. Mudah-mudahan Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha kita dan kita akan terus berjaya dalam usaha murni kita ini.